



## SIARAN MEDIA

### MPS BANTERAS PENJAJA WARGA ASING

MPS meneruskan usaha membentaras penjaja warga asing yang didapati masih berdegil dan berniaga di atas petak parkir berhadapan kedai-kedai runcit sekitar kawasan Jalan Besar Selayang Baru.

Menerusi satu operasi yang telah dijalankan oleh Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS pada 3 Januari 2023 (Selasa), sebanyak 45 bakul pelbagai jenis sayur-sayuran, 4 bakul kelapa serta beberapa alatan seperti meja, penimbang dan payung milik penjaja warga asing telah disita. Kesemua penjaja warga asing dikenakan tindakan kerana didapati menjalankan perniagaan di kawasan petak parkir sehingga menimbulkan isu kacau ganggu, kebersihan dan juga kesesakan di sekitar kawasan tersebut. Tindakan diambil dibawah Seksyen UUK 3 Undang-Undang Kecil Penjaja (MPS) 2007 atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah.

MPS memandang serius isu ini dan akan terus melakukan pemantauan dan menjalankan operasi bersepadu dari semasa ke semasa. Semua peniaga dan penjaja diingatkan juga untuk menjalankan aktiviti masing-masing dengan permit dan lesen yang sah dari MPS selain memastikan aspek kebersihan kawasan sekitar dijaga dan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada orang awam.

**#TAMAT#**

#### **Dikeluarkan Oleh:**

Bahagian Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

b.p. **Yang Dipertua**  
Majlis Perbandaran Selayang  
**4 Januari 2023**